

Nama Suratkhobar : Harian Metro (Segmen Bisnes)

Tarikh : 30 Mac 2015 (Isnin)

Mukasurat : 43

Malaysia jadi hab teknologi hijau di rantau ASEAN

Putrajaya: Malaysia mengorak langkah menjadi hab teknologi hijau di rantau ASEAN menerusi pelaksanaan Dasar Teknologi Hijau Negara yang holistik dan berterusan.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, kerajaan kini di landasan perancangan yang betul bagi pembangunan lestari dan kemajuan teknologi hijau.

“Sebagai bukti, laporan dwitahunan EPI (Indeks Prestasi Alam Sekitar) 2014 yang dihasilkan Yale University, menunjukkan Malaysia menduduki tangga ke-51 daripada 178 buah negara.

“EPI ini mengukur kedudukan negara-negara dunia dalam pelaksanaan dasar berkaitan isu alam sekitar yang berfokus kepada perlindungan kesihatan manusia daripada bahaya alam sekitar dan perlindungan ekosistem,” katanya.

Di peringkat ASEAN pula Malaysia di tangga ketiga selepas Singapura dan Brunei malah, Malaysia bergerak lebih agresif untuk berubah ke arah penggunaan teknologi tinggi serta industri berasaskan pengetahuan yang intensif agar dapat kekal berdaya saing pada peringkat antarabangsa.

Katanya, kementerian membuat perancangan pelaksanaan program serta projek yang menumpukan peningkatan sumbangan teknologi hijau kepada ekonomi, sosial dan alam sekitar di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11).

“Pelan Induk Teknologi Hijau Negara dan ‘Electric Mobility Blueprint’ disediakan dengan tujuan mengukuhkan semua inisiatif, program dan aktiviti yang dilaksanakan supaya menjadi lebih efektif dan sistematik,” katanya. - BER-NAMA